

## **KEPIMPINAN NEGARA DARI TANGGAPAN PEMIMPIN MAHASISWA**

oleh  
Azimi Hamzah, Ezhar Tamam dan Turiman Suandi<sup>2</sup>

### **Pengenalan dan Latarbelakang Kajian**

Keharmonian di antara pemimpin dan yang dipimpin adalah merupakan sinergi yang kritikal dalam mewujudkan kedamaian dalam sesebuah negara. Sejarah telah banyak memberi pengajaran mengenai perkara asas ini. Malah dalam abad kedua puluh ini rakyat berlaku di Iran semasa pemerintahan Shah Iran dan pergolakan di Filipina di saat-saat akhir Kerajaan Presiden Marcos.

Diantara golongan yang dipimpin, pelajarlah yang kerap menonjol dan lantang dalam mengkritik kepimpinan negara. Malaysia sendiri telah mengalami berbagai peristiwa di mana pelajar atau mahasiswa mempengaruhi keputusan kepimpinan negara dalam menangani sesuatu isu (Hussien, 1987). Mereka berpendidikan, terdedah kepada maklumat dan sentiasa mengikuti perjalanan kepimpinan dan pembangunan negara. Disamping itu mereka merupakan pemimpin pelapis negara yang tidak sedia melihat masa hadapan mereka dihancurkan oleh sistem kepimpinan yang lemah. Mereka analitikal dan pramatik (Azimi et.al, 1994)

Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi adalah dalam lingkungan umur belia. Di tahap umur ini mereka banyak berpegang kepada yang ideal. Mereka juga dalam proses mencari identiti dan mencari model kepimpinan (mentor) yang boleh dijadikan rujukan (Hurlock, 1987). Oleh demikian, pandangan pemimpin mahasiswa terhadap kepimpinan negara amat relevan dalam melihat kewibawaan kepimpinan yang ada disamping dapat mengukur corak kepimpinan yang kesinambungannya datang dari pemimpin pelajar masa kini.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas kajian ini bertujuan untuk memberi jawapan kepada persoalan-persoalan: Adakah terdapat keharmonian di antara kepimpinan negara dan pemimpin mahasiswa? Adakah individu-individu dalam kepimpinan negara dijadikan model dalam kehidupan pemimpin mahasiswa? Terdapat

1. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan PPPL pada 17 April 1996, di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Pertanian Malaysia.
2. Prof Madya Dr. Azimi Hamzah, Dr. Ezhar Tamam dan Dr. Turiman Suandi, pensyarah dan penyelidik di Unit Pengajian Pembangunan Belia, Universiti Pertanian Malaysia.

atau tidak individu-individu dalam kepemimpinan negara yang sanjungi oleh pemimpin mahasiswa ? bentuk kepimpinan negara yang diinginkan oleh pemimpin mahasiswa untuk menerajui negara pada masa hadapan? Adakah pemimpin mahasiswa mendapat pendedahan yang relevans ke arah pembentukan pemimpin pelapis melalui penglibatan mereka dalam Majlis Perwakilan pelajar?

Berdasarkan kepada persoalan-persoalan di atas kajian ini memberi kepada memahami pandangan pemimpin pelajar terhadap kewibawaan kepimpinan negara. Di samping kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui kedudukan pembentukan pemimpin mahasiswa ke arah persediaan sebagai pemimpin pelapis negara.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini berbentuk deskriptif dan data diperolehi dengan menggunakan kombinasi kaedah kuantitatif dan kualitatif .Jadual 1 memaparkan ciri-ciri responden kajian ini. Hampir kesemua (91.1 %) adalah ahli jawatankuasa MPP dan (9.9%) adalah ahli biasa. Lebih ramai pelajar lelaki (73.2%) daripada perempuan (26.8 %) terlibat dalam kajian ini. Responden kajian ini terdiri daripada mereka yang berumur 19 tahun hingga 37 tahun, dengan umur purata 23 tahun. Majoriti responden dalam kategori berada dalam kategori umur 21-25 tahun. Sample kajian juga diwakili oleh responden Melayu (67.6%) dan bukan Melayu (26.8 %). Dari segi sumber pembiayaan pelajar lebih dari setengah (57.7%) mendapat bantuan kerajaan, hampir sepertiga (31.0%) dengan pembiayaan sendiri dan selebihnya (11.3%) dibiayai oleh pihak swasta.

	<b>Latar Belakang</b>	<b>Statistik</b>
Umur	Purata	22.9 tahun
	Minimum	19 tahun
	Maksimum	37 tahun
Jantina	Lelaki	52 (73.2 %)
	Perempuan	19 (26.8 %)
Bangsa	Melayu	48 (67.6%)
	Bukan Melayu	23 (32.4 %)
	AJK	64 (90.1%)
	Ahli Biasa	7 (9.9%)
Pembiayaan Pelajaran	Kerajaan	41 (57.7%)
	Persendirian	22 (31.0 %)
	Swasta	8 (11.3 %)

### **Status dalam MPP**

Data kuantitatif telah dikumpulkan dengan menggunakan dua cara. Pertama para responden dikumpulkan dalam sebuah bilik dan borang soalan diedarkan dan diambil semula sebaik sahaja mereka selesai mengisinya. Sekiranya kehadiran pada sesuatu sesi kurang daripada lima orang, beberapa borang ditinggalkan untuk diberi kepada mereka yang tidak hadir. Kemudian ketjasma mereka diminta agar borang-borang yang lengkap disis dihantar ke UPM dalam jangka masa satu minggu .. Data kualitatif pula dikumpulkan melalui temuramah secara kumpulan. Proses penganalisan data melibatkan statistik deskriptif dan pemecahan kata kunci mengikut kategori.

### **Penemuan**

#### **Profil Pemimpin Mahasiswa**

Penemuan kajian menunjukkan majoriti daripada responden mengikuti pengajian dalam bidang sains gunaan iaitu bidang yang menterjemahkan teori dalam konteks amplikasi. Dari segi pembentukan keperibadian kepimpinan pula, rata-rata responden telah mendapat pendedahan semenjak di bangku sekolah lagi. Dengan berlatarbelakang yang relevans dengan kepimpinan dan pendidikan yang diikuti kebanyakan mereka mempunyai keinginan untuk menceburkan diri dalam kerjaya yang mencabar potensi kepimpinan mereka.

Responden ditanya mengapa mereka memegang jawatan dalam Majlis Perwakilan Pelajar. Jawapan yang mereka berikan boleh dikategorikan kepada tiga: untuk peningkatan diri sendiri, untuk menyumbang kepada kebajikan ahli kampus dan untuk membawa kebaikan kepada masyarakat luar kampus. Mereka juga ditanya apakah manfaat yang mereka perolehi dari penglibatan mereka dalam MPP. Jawapan yang perolehi daripada mereka banyak tertumpu kepada peningkatan diri sendiri. Apabila responden ditanya apakah perkara yang menghalang mereka untuk terus memberi sumbangan yang berkesan. Mereka banyak memperkatakan tentang aspek sokongan dan bimbingan dari pihak pentadbiran yang lemah. Adakala mereka menyatakan kewujudan Akta Kolej menghadkan mereka untuk lebih aktif dalam kepimpinan MPP. Halangan lain yang mereka nyatakan termasuklah beban akademik dan ketjasama yang tidak menyeluruh dari mahasiswa sendiri.

### ***Tanggapan Terhadap Kepimpinan Negara***

#### **Sebagai Model Hidup**

Responden telah diminta menamakan lima individu yang menjadi model hidup mereka. Menurut urutan yang paling utama hingga ke lima utama. Jadual 2 memaparkan dapatan hasil kajian tentang model hidup pemimpin pelajar. Sebelas nama telah dimuatkan di dalam Jadual 2. Nama model yang disebut sekali dikeluarkan dari jadual tersebut. Tujuh responden tidak memberi sebarang nama sebagai model. Secara keseluruhannya didapati di dapati Nabi Muhamad s.a.w. menjadi model hidup hampir separuh responden (45.0%). Jumlah peratusan ini sebenarnya datang dari pelajar Melayu. Dari segi urutan keutamaan, dari responden yang memberi nama Nabi Muhammad s.a.w. 32.4 peratus meletakkan baginda sebagai pilihan utama. Lebih sepertiga responden meletakkan ibubapa sebagai model hidup. Di antara pemimpin pelajar yang menyatakan demikian 18.3 peratus memilih ibu bapa sebagai pilihan pertama. Pemimpin-pemimpin negara, khususnya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri mendapat tempat di hati MPP hampir sama bilangannya. Walau bagaimanapun Perdana Menteri diberi keutamaan dua ganda bilangan responden berbanding dengan Timbalan Perdana Menteri. Jadual menunjukkan bahawa selain daripada pemimpin sejagat, pemimpin negara diII keluarga, kawan dan guru juga

**JADUAL 2:MODEL HIDUP PEMIMPIN MAHASISWA**

Pemimpin model	Pilihan (N=71)					
	Pertama	Kedua	Ketiga	Keempat	Kelima	Jumlah
Nabi Muhammad S.a.w	23 (32.4)	1 (1.4)	-	2 (28.0)	1 (1.4)	32 (45.0)
Ibu Bapa	13 (18.3)	9 (12.7)	1 (1.4)	1 (1.4)	1 (1.4)	5 (35.3)
Mahathir Mohamad	8 (11.3)	9 (2.8)	1 (1.4)	1 (1.4)	1 (1.4)	16 (22.5)
Anwar Ibrahim	4 (5.6)	5 (7.1)	5 (7.1)	-	1 (1.4)	-
Para sahabat	-	4 (5.65)	-	1 (1.4)	14 (19.7)	5 (7.9)
Kawan	-	-	3 (4.2)	-	-	3 (4.2)
Nik Aziz Nik Mat	1 (1.4)	-	3 (4.2)	2 (2.8)	-	5 (7.9)
Tunku Abdul Rahman	3 (4.2)	-	1 (1.4)	1 (1.4)	-	5 (7.9)
Guru	2 (2.8)	1 (1.4)	1 (1.4)	-	1 (1.4)	5 (7.9)
Datok	1 (1.4)	-	2 (2.8)	-	-	3 (4.2)

### **Tokoh dalam kepimpinan negara yang sanjung**

Responden juga diminta menyenaraikan lima tokoh yang mereka sanjung kajian dibentangkan di dalam Jadual 3. Nama tokoh yang disebut hanya sekali dimasukkan di dalam Jadual 3. Daripada sepuluh nama yang disenaraikan didapati nama Mahathir Mohamad terletak di atas. Hampir kesemua responden (78.9%) menyebut nama Mahathir Mohamad. Ini diikuti dengan Anuar Ibrahim (69.0%), Nik Aziz Nik Mat (40.8%), Tunku Abdul Rahman (19.7%) dan Najib Tun Razak (14.1 %). Bagi tokoh-tokoh lain peratusan responden yang menyebutnya adalah kurang dari 10.0 peratus. Jika dibandingkan mengikut pilihan pertama, didapati lebih ramai memilih (52.1 %) Mahathir Mohamad sebagai pilihan pertama, diikuti dengan Nik Aziz Nik Mat (19.7%), dan Anuar Ibrahim (12.7%). Lebih ramai (35.2%) memilih Anuar Ibrahim sebagai pilihan kedua. Didapati hanya seorang tokoh wanita yang termasuk dalam kategori sepuluh ke atas .. Hasil kajian juga menunjukkan responden memilih pemimpin-pemimpin politik sebagai tokoh yang disanjung dan bukan kepimpinan korporat.

### Kepimpinan negara dan penyelesaian isu

Responden diminta menyenaraikan isu dalam dan luar negara yang cuba ditangani kepimpinan negara dalam satu tahun kebelakangan ini. Isu-isu yang mereka utarakan adalah tertumpu kepada pergolakan dalam negara. Hanya sepertiga dari isu-isu tersebut menyatakan aspek antara bangsa. Mengenai isu dalam negeri antara yang kerap ditimbulkan ialah isu berkaitan dengan politik, permasalahan remaja/belia dan alam sekitar. Penelitian seterusnya menunjukkan bahawa responden kajian memandang kepimpinan lebih rasional dalam menangani permasalahan antarabangsa. Keputusan kepimpinan negara tentang isu luar negara rata-rata dihormati oleh pemimpin pelajar berbanding dengan penyelesaian yang berkaitan dengan isu-isu dalam negara.

**JADUAL 3: TOKOH YANG DISANJUNGI PEMIMPIN MAHASISWA**

Pemimpin model	Pilihan (N=71)					
	Pertama	Kedua	Ketiga	Keempat	Kelima	Jumlah
Nabi Muhammad S.a.w	37 (52.1)	13 (18.3)	6 (8.5)	-	-	56 (78.9)
Ibu Bapa	9 (12.7)	25 (35.2)	10 (14.1)	3 (4.2)	2 (2.8)	49 (69.0)
Mahathir Mohamad	14 (19.7)	7 (9.9)	6 (8.5)	2 (2.8)	-	21 (40.8)
Anwar Ibrahim	5 (7.0)	-	5 (7.0)	1 (1.4)	4 (9.8)	14 (19.7)
Para sahabat	-	4 (5.6)	1 (1.4)	1 (1.4)	-	6 (8.5)
Kawan	-	-	-	4 (5.6)	6 (8.5)	10 (14.1)
Nik Aziz Nik Mat	-	-	-	3 (4.2)	1 (1.4)	4 (5.6)
Tunku Abdul Rahman	-	-	2 (2.8)	3 (4.2)	1 (1.4)	6 (8.5)
Guru	-	-	2 (2.8)	1 (1.4)	3 (4.2)	6 (8.5)
Datuk	-	-	2 (2.8)	1 (1.4)	3 (4.2)	6 (8.5)

JADUAL 4:PANDANGAN PEMIMPIN MAHASISWA TENTANG  
KEPIMPINAN MASA DEPAN

**Bangsa**

<b>Kepimpinan Masa Depan</b>	<b>Melayu (n= 48)</b>	<b>Bukan Melayu (n=23)</b>	<b>Jumlah (N=71)</b>
Mempunyai ciri-ciri cemerlang	12 (25.0)	10 (43.5)	22 (31.0)
Berorientasikan agama	19 (39.6)	-	19 (26.8)
Mengutamakan keharmonian kaum	5 (10.4)	6 (26.1)	11 (15.5)
Mementingkan kestabilan ekonomi	3 (6.3)	6 (26.0)	9 (12.7)
Berkelulusan tinggi	5 (10.4)	-	5 (7.0)
Berorientasikan sains dan teknologi	-	1 (4.3)	1(1.4)

Responden telah ditanya mengenai kriteria kepimpinan negara yang mereka ingini untuk menerajui negara pada masa akan datang. Pelbagai kenyataan diperolehi responden dan kenyataan tersebut telah dikategorikan kepada enam: (1) mempunyai ciri peribadi yang cemerlang (2) Penemuan kajian menunjukkan lebih dari seperempat responden menyatakan ciri-ciri peribadi yang cemerlang dan berorientasikan keagamaan sebagai kriteria yang perlukan diutamakan oleh kepimpinan negara pada masa hadapan. Jika dibandingkan pandangan responden Melayu dan bukan Melayu, pemimpin mahasiswa Melayu mementing unsur agama dan pendidikan tinggi, tetapi unsur ini tidak diberi keutamaan oleh responden bukan Melayu. Responden bukan Melayu lebih mementingkan ciri-ciri peribadi pemimpin, keharmonian kaum, dan unsur kestabilan ekonomi. Wala bagaimanapun responden Melayu juga mengutamakan ciri-ciri peribadi dan keharmonian kaum.

mempunyai pendidikan, pengalaman serta keghairahan untuk membawa perubahan kumpulan pemimpin pelajar amat penting diberi pupuk yang berterusan ke arah persediaan sebagai pemimpin pelapis negara. Penyerlahan potensi aset yang amat bernilai ini perlu dirancang dengan teliti dengan matlamat yang menyeluruh dan menjangkau alam kampus. Peranan untuk universiti .Kajian memberi gambaran bahawa sokongan dan bimbingan dari pentadbiran universiti mereka tentu sekali Khususnys REP, masih mempunyai banyak ruang yang boleh dipertingkatkan .

Respons yang diperolehi dari pemimpin mahasiswa menunjukkan bahawa mereka mengikuti perjalanan kepimpinan negara dengan teliti dan penuh harap. Sebagai satu golongan sentiasa mencari identiti yang unggul, mereka berpegang dengan idealisma yang bersih dan . Kemungkinan, berdasar kepada pemerhatian mereka yang terperinci mengenai secara individu. Justeru itu sebahagian besar daripada pemimpin mahasiswa memilih manusia yang unggul, iaitu Nabi Muhammad saw, dan manusia yang mereka yakini, iaitu ibu-bapa, sebagai hidup mereka. Walau bagaimanapun., pemimpin pelajar masih melihat bahawa aspek-aspek bersih dan cekap di kalangan pemimpin negara tidak terjejas dimana terdapat di antara responden ,yang memilih individu kepimpinan masa kini sebagai model hidup. Unsur-unsur keyakinan yang begini amat penting untuk keharmonian terus terpelihara di antara pemimpin dan yang dipimpin. Umumnya kajian ini juga memberi gambaran positif di mana pemimpin mahasiswa tidak terkeluar dari landasan keagamaan serta mengutamakan hubungan kekeluargaan.

Walaupun pemimpin mahasiswa meluahkan unsur ketidakselesaan terhadap cara kepimpinan negara menghadapi isu-isu terutamanya isu-isu dalam negara, mereka secara umum masih menyanjungi kepimpinan serta individu pemimpin negara masa kini. Sebagai golongan yang terpelajar mungkin mereka melihat persoalan ini secara sistem terbuka walaupun sesuatu isu berlanjutan (Berita Harian, April 1996). Mereka mungkin dapat menghayati bahawa individu-individu dalam kepimpinan negara adalah manusia biasa yang tidak boleh lari dari menjaga kedudukan dan kepentingan diri. Umpamanya, keputusan kepimpinan negara dalam menyelesaikan atau menghadapi isu-isu antarabangsa lebih dihormati oleh pemimpin mahasiswa berbanding dengan cara penyelesaian isu-isu dalam negara mungkin disebabkan dalam kes pertama kepimpinan negara mewakili rakyat tetapi dalam kes kedua kepimpinan negara dipengaruhi oleh semangat kepartian dan kedudukan



kerusi sendiri. Majoriti pemimpin mahasiswa meletakkan gabungan PM dan TPM teratas sebagai tokoh yang disanjung berkemungkinan responden berdasarkan pemilihan mereka kepada kriteria yang Majoriti untuk kepimpinan masa hadapan (lihat Jadual 4). Gabungan ini mungkin dianggap ada unsur kemas dan memperkemaskan dan dapat menampung kekurangan berseorangan. Sememangnya unsur-unsur ciri peribadi cemerlang itu penting tetapi aspek keagamaan menjadi tunggak. Kemungkinan inilah merupakan sebab mengapa terdapat ramai juga di kalangan kepimpinan mahasiswa memilih MB Kelantan sebagai yang disanjung selepas gabungan PM dan TPM.

Pemimpin mahasiswa menyatakan kriteria-kriteria kepimpinan masa hadapan yang mereka ingini. Kriteria-kriteria yang diberi dikategorikan kepada enam dan merangkumi mempunyai ciri-ciri peribadi yang cemerlang, berorientasikan keagamaan, mengutamakan keharmonian kaum, mengutamakan kestabilan ekonomi, berkelulusan tinggi dan berorientasikan sains dan teknologi.

Apabila dilihat kriteria diatas dengan lebih teliti, ketiga-tiga kriteria yang terawal iaitu yang kerap dinyatakan oleh pemimpin mahasiswa adalah merupakan kriteria yang asas dan berkaitan dengan akhlak yang mulia. Kedapatan ciri-ciri ini dalam seseorang pemimpin boleh memandu dia dalam meletakkan keadilan dalam menstabilkan ekonomi dalam menggunakan kelulusan tinggi dalam menafaatkan sains dan teknologi. Penemuan kajian boleh digunakan untuk meninjau pandangan beberapa guru dalam kepimpinan dan pengurusan.

Dari penemuan dan perbincangan di atas beberapa kesimpulan utama dapat dikel dari kajian ini. Kesimpulan berikut adalah sejajar dengan persoalan yang ditimbulkan di permulaan kertas ini.

1. Pemimpin mahasiswa terdedah kepada proses pembentukan kepimpinan dan mereka sebagai pemimpin pelapis boleh diserlahkan melalui bimbingan yang sistematik

2. Pemimpin mahasiswa meletakkan individu-individu yang terserlah akhlaknya, yang boleh membimbing ke arah kejayaan dunia dan akhirat, dan yang berkorban untuk kesejahteraan mereka sebagai model hidup. Pemimpin negara juga mendapat tempat sebagai hidup dikalangan sebahagian pemimpin mahasiswa.
3. Walaupun terdapat konflik ideologi dan personaliti antara kepimpinan negara pemimpin mahasiswa, keharmonian di antara kedua pihak wujud. Pemimpin mahasiswa menyanjungi kepimpinan negara dan penerimaan ini merentas kaum.
4. Pemimpin mahasiswa lebih menghormati dan bersetuju dengan pendekatan kepimpinan negara dalam menyelesaikan kebanyakan isu antarabangsa berbanding dengan penyelesaian ke atas isu-isu dalam negara.
5. Pemimpin mahasiswa lebih kerap menyuarakan unsur-unsur kecemerlangan diri dan keagamaan sebagai asas utama kepimpinan negara masa hadapan berbanding dengan unsur-unsur lain yang sesuai dengan tuntutan masa dan negara. Kriteria lain yang perlu ada kepada kepimpinan negara masa hadapan ialah mengutamakan keharmonian kaum kestabilan ekonomi, berkelulusan tinggi dan berorientasikan sains dan teknologi

Kajian yang agak sama perlu dikendalikan ke atas golongan lain yang mempunyai kerisauan mengenai kepimpinan negara dan menginginkan keharmonian yang berterusan. Walau bagaimanapun kajian awalan ini yang mengambil pemimpin mahasiswa sebagai responden menjawab beberapa persoalan mengenai pandangan yang dipimpin terhadap yang memimpin.